

KFC penyewa terbaharu di pusat beli-belah Pier8

KUALA LUMPUR – Pemaju hartanah, Mitraland Group menandatangani memorandum persefahaman bersama QSR Brands (M) Holdings Bhd. (QSR Brands) untuk membawakan restoran KFC di pembangunan pusat beli-belah bertemakan maritimnya, Pier8.

Pier8 merupakan lokasi perniagaan makanan dan minuman serta pusat makanan laut berkeluasan hampir 14,000 meter persegi, bertempat di pembangunan integrasi Gravit8 di Klang.

Pengarah Urusan QSR Brands, Datuk Seri Mohamed Azahari Mohamed Kamil berkata, kolaborasi tersebut menyediakan platform yang baik untuk pihaknya mengembangkan kehadiran kepada pelanggan. “Sebagai restoran makanan segera terbesar di negara ini, pelanggan merupa-



AZAHARI (enam dari kiri) bersama Theong Yee (tujuh dari kiri) bergambar kenangan pada majlis menandatangani MoU bersama penyewa-penyewa baharu di Pier8, Klang baru-baru ini.

kan keutamaan.

“Sehubungan itu, kami mahu memastikan KFC kekal relevan kepada pelanggan dan menjadikannya mudah untuk dikunjungi,” katanya menerusi kenyataan akhbar yang dikeluarkan di

sini semalam.

Sementara itu, Naib Pengerusi Eksekutif Mitraland Group, Chuah Theong Yee berkata, dalam suasana landskap mencabar dengan permintaan pengguna yang sentiasa berubah, pusat beli-

belah perlu tangkas beradaptasi untuk kekal di hadapan.

“Pier8 akan terus menawarkan peruncit yang baharu dan berlainan serta hiburan untuk menarik para pengunjung,” katanya.